		- Jawatankuasa Penyiasatan kemalangan (bila berlaku insiden) - Laporan Bulanan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan - Mengukur Prestasi Statistik kemalangan, kejadian merbahaya dan penyakit pekerjaan - Menjalankan Audit KKP di tapak bina

9.2) Prosedur Pengukuran & Pemantauan Kepada Perundangan JKR.PK(O).04C

Objektif prosedur

- Mengenalpasti dan mematuhi perundangan dan lain-lain keperluan. Perundangan dan lain-lain keperluan ini adalah digunakan dalam aktiviti-aktiviti perancangan, rekabentuk, perolehan dan pembinaan.
- Membantu untuk tujuan pemantauan projek secara berterusan keperluan perundangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain.
- Mengukur dan mematuhi keperluan perundangan melibatkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar

Skop - Prosedur ini digunakan oleh staf JKR dan kontraktor di tapak bina terhadap pengenalpastian, pematuan perundangan dan pengukuran yang melibatkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Alam Sekitar.

Bil	Pemilik	Tanggungjawab
1	HODT/PP/PDT	Bertanggungjawab bagi memastikan semua kehendak perundangan dan juga lain-lain kehendak bagi setiap projek dikenalpasti seawal di peringkat perancangan sehingga ke peringkat perlaksanaan dan penyerahan projek
2	PP (JKR) / PKT (SHO – kontraktor)	Perlu menjalankan penilaian terhadap pematuan sekurang-kurangnya setahun sekali atau mengikut kesesuaian, untuk menilai semula pematuan kepada keperluan perundangan dan juga lain-lain keperluan.
3	Urus Setia SPB	Mengumpul data-data seperti statistik insiden, pematuan perundangan dan sebagainya untuk dianalisis bagi tujuan pengukuran dan pemantauan dan seterusnya digunakan sebagai input Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

9.3) Prosedur Persediaan Dan Tindakan Semasa Kecemasan & Penyiasatan Insiden JKR.PK(O).04D

Objektif prosedur - Sebagai garis panduan respon / tindakan / persediaan kepada situasi kecemasan dalam kemalangan dengan tujuan mengurangkan impak dan kesan yang mudarat kepada manusia dan kepada alam sekitar.

Skop - Prosedur ini digunapakai oleh semua pejabat tapak bina yang memerlukan kawalan kepada Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Pengurusan Alam Sekitar

Bil	Pemilik	Tanggungjawab
1	PP/PD/WP/KUB/PTB/PDT + Penyelia Tapak Kontraktor / PKT (SHO Kontraktor)	- Memastikan prosedur dilaksanakan secara efektif - Menyenggara rekod laporan Penyiasatan Insiden dan yang berkaitan

9.4) Prosedur Hazard Identification, Risk Assessment & Determining Control (HIRADC) JKR.PK(P).13

Objektif prosedur - Untuk menyediakan satu kaedah yang sistematik dan standard dalam mengenalpasti hazard, menaksir risiko dan mengawal risiko di tempat kerja.

9.5) Prosedur Program Pengurusan Alam Sekitar, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan JKR.PK(P).14

Objektif prosedur

- Garis panduan bagi pihak pengurusan atasan dan staf JKR, Perunding, Pembekal, Kontraktor, dsb. dalam menjalankan aktiviti yang mematuhi Dasar Sistem Pengurusan Bersepadu yang telah ditetapkan.
- Melaksanakan program-program yang telah dirancang bagi mencapai Objektif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

TOPIK 10

10. KONSEP ASAS AMALAN TERBAIK PENGURUSAN PROJEK

(GN, RM, VE, BIM)


10.1 GERBANG NILAI (GN)

1. Merupakan adaptasi dari hasil kajian pihak Pejabat Perdagangan Kerajaan di United Kingdom (OGC) berkaitan penambahbaikan penyampaian projek utama.
2. Kajian Gerbang Nilai (OCG) ini diperolehi daripada Laporan tahun 1999 Perolehan Awam Gershon, yang ditubuhkan OGC.
3. Gerbang Nilai pertama kali diperkenalkan di dalam Rancangan Malaysia ke 10.
4. Dalam memastikan kejayaan keseluruhan projek yang dilaksanakan oleh JKR, kajian Gerbang Nilai akan dilaksanakan kepada semua projek-projek yang bernilai melebihi RM5 Juta.
5. Arahan penggunaan Gerbang Nilai dalam JKR; **Surat Arahan KPKR Bil.1/2018** bertarikh **24 Januari 2018**.

Gerbang Nilai	Jenis Kajian (Type of Review)
Gerbang 1	Penerimaan Pelaksanaan Projek
Gerbang 2	Kesediaan untuk Rekabentuk
Gerbang 3	Kesediaan untuk Tender
Gerbang 4	Kesediaan untuk Perkhidmatan

Jadual 1 :Peringkat Kajian Gerbang Nilai


Carta Alir : Gerbang Nilai Dalam Kitar Hayat Projek



10.2 PENGURUSAN RISIKO (RM)

1. Pengurusan risiko merupakan salah satu fungsi pengurusan projek yang seharusnya menjadi sebahagian daripada Sistem Pengurusan Bersepadu JKR.
2. Pengurusan risiko adalah satu bidang pengurusan projek yang dipraktikkan oleh kebanyakan organisasi dalam proses kerja bagi meningkatkan kadar kejayaan serta mengurangkan kesan daripada peristiwa risiko dalam operasi sesuatu organisasi.
3. Ia antara lain bertujuan memastikan risiko utama diuruskan dengan berkesan oleh pengurus projek serta ahli pasukan projek dengan mengambil tindakan secara proaktif terhadap faktor-faktor risiko yang boleh memberi kesan negatif terhadap pencapaian objektif projek.
4. Arahan penggunaan Pengurusan Risiko dalam JKR; **Surat Arahan KPKR Bil.12/2017** bertarikh **16 Mei 2017**.


Carta Alir : Pengurusan Risiko Dalam Kitar Hayat Projek



10.3 KEJURUTERAAN NILAI (VALUE ENGINEERING (VE))

1. Pelaksanaan Kejuruteraan Nilai di dalam projek Kerajaan adalah selaras dengan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 3 Tahun 2009 bertarikh 29 Disember 2009.
2. Pekeliling tersebut telah menetapkan pelaksanaan Pengurusan Nilai ke atas program atau projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas bagi memastikan program / projek berkenaan dapat memenuhi objektif dan fungsi yang disasarkan serta value for money.
3. Kejuruteraan Nilai merupakan intervensi kajian peringkat kedua Pengurusan Nilai yang dilaksanakan semasa pembangunan rekabentuk dan diterajui oleh Jabatan Teknikal (JKR/JPS) yang antara lain bertujuan untuk mengoptimumkan rekabentuk bagi mempertingkatkan fungsi dan Kualiti projek serta keberkesanan kos mengikut skop dan bajet yang telah diluluskan oleh agensi pusat.
4. Arahan pemakaian Kejuruteraan Nilai dalam JKR; **Surat Arahan KPKR Bil.8/2014** bertarikh **28 Mac 2014**.


Carta Alir : Proses Kajian Kejuruteraan Nilai Di Dalam Projek Kerajaan



10.4 **BUILDING INFORMATION MODELING (BIM)**

1. Aplikasi BIM dalam projek JKR adalah selaras dengan misi, visi dan inovasi JKR bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian projek melalui penggunaan teknologi industri pembinaan masa kini.
2. **Building Information Modeling** merupakan proses penyediaan dan penggunaan model menerusi teknologi digital 3D berparametrik yang mengandungi informasi bagi meningkatkan sistem penyampaian di sepanjang kitar hayat pelaksanaan projek.
3. **Building Information Model** merupakan model digital berparametrik yang boleh dipersembahkan secara tiga dimensi (3D). Model ini mengandungi pelbagai maklumat geometri dan bukan geometri yang digunakan bagi tujuan analisis melalui beberapa perisian berkaitan.
4. Secara amnya, faedah utama penggunaan BIM adalah:
 - a) Rekabentuk model dapat dipersembahkan secara 3D
 - b) Rekabentuk di antara semua disiplin dapat dikolaborasi dan dikoordinasi dengan lebih berkesan serta dapat mengurangkan konflik pada peringkat awal kitar hayat projek
 - c) Simulasi pembinaan dapat dijalankan bagi tujuan verifikasi jadual kerja pembinaan
 - d) Anggaran kos awalan projek dapat dihasilkan melalui integrasi di antara model dan kos
 - e) Informasi model dapat dikongsi bersama dengan pemilik bangunan selepas pembinaan siap di mana rekod ini digunakan bagi tujuan operasi dan penyenggaraan bangunan
 - f) Meningkatkan sistem penyampaian projek berintegrasi

Carta: Senarai Kegunaan BIM



5. Level of Development (LOD)

Family dibangunkan secara berperingkat mengikut skala LOD yang diperlukan pada setiap fasa pembangunan model. Skala LOD dibahagikan secara berperingkat mengikut tahap keperincian dan keperluan fasa pembangunan model seperti yang ditunjukkan di dalam jadual berikut:

Jadual: Skala LOD penyediaan **Family** mengikut fasa pembangunan model

Fasa Pembangunan Model	Level of Development (LOD)
Model rekabentuk konsep	LOD 100
Model rekabentuk awalan	LOD 200
Model rekabentuk terperinci	LOD 300
Model pembinaan	LOD 400
Model siap bina	LOD 500
Model operasi dan penyenggaraan	

6. **Level of Detail (LOD)**

Setiap skala LOD mengandungi penerangan tahap keperincian rupabentuk dan **Parameter** attribute **Family** masing-masing yang dikenali sebagai *Level of Detail* (LOD). Model bangunan dibangunkan bermula daripada fasa rekabentuk konsep dengan menggunakan **Family** LOD 100 sehingga kepada fasa pembinaan yang melibatkan **Family** LOD 400. Manakala **Family** LOD 500 merupakan **Family** yang dikemaskini di dalam model siap bina dan model pengurusan operasi dan penyenggaraan fasa masing-masing. Contoh atribut yang terdapat di dalam LOD adalah seperti berikut:

- a) Atribut Geometrik – Panjang, lebar, tinggi, diameter, luas dan isipadu
- b) Atribut Bukan Geometrik – Nama pembekal, kos, tarikh dan spesifikasi.

Jadual: Hubungkait di antara LOD dan LOD

Level of Development	Level of Detail
LOD 100	Elemen Family hanya mempunyai rupabentuk konsep tanpa sebarang Parameter atau geometri.
LOD 200	Elemen Family mempunyai rupabentuk asas dan mengandungi Parameter geometri seperti maklumat anggaran dimensi (contoh: panjang, lebar dan/atau tebal).
LOD 300	Elemen Family mempunyai rupabentuk terperinci dan mengandungi Parameter geometri dan bukan geometri minimum seperti jenis bahan berdasarkan maklumat keperluan rekabentuk dan spesifikasi. (contoh: 900mm x 2100mm pintu panel kayu)
LOD 400	Elemen Family mempunyai rupabentuk yang mengandungi Parameter geometri dan bukan geometri berdasarkan maklumat pembinaan dan pemasangan sebenar yang diperlukan di tapak. (contoh: maklumat bingkai pintu, ironmongery dan nama pembekal)
LOD 500	Elemen Family mempunyai rupabentuk yang mengandungi Parameter geometri dan bukan geometri berdasarkan maklumat pembinaan dan pemasangan akhir di tapak. (contoh: rekod pengujian dan pentauliahan)
	Elemen Family mempunyai rupabentuk yang mengandungi beberapa Parameter geometri dan bukan geometri yang dikemaskini seperti maklumat rekod penyenggaraan aset. (contoh: tarikh penyenggaraan dan pengubahsuaian)

TOPIK 11

11. SOALAN-SOALAN LAZIM PENGURUSAN PROJEK

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
A. AKTIVITI PRA PEMILIKAN TAPAK		
1.	Bilakah Surat Setujuterima Tender (SST) dikeluarkan?	- SST ialah surat pengesahan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan di dalam Dokumen Tender dan apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui yang berkaitan dengan kontrak tersebut. - SST hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperolehi dan dalam tempoh sah laku tender*. - SST hendaklah dikeluarkan setelah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM). <i>* Tempoh minimum sahlaku tender ialah 90 hari</i>
2.	(Sekiranya Setelah SST dikeluarkan) Apakah tindakan yang harus dilakukan oleh PP sekiranya pemilihan tapak tidak dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan?	Sekiranya pemilihan tapak* tidak dibuat dalam tempoh 90 hari dari tarikh milik tapak yang dinyatakan di dalam SST, maka satu notis perlu diberikan secara bertulis oleh PP kepada Kontraktor yang menyatakan sebab-sebab kelewatan. <i>*(Nota: Berdasarkan Fasal 38 JKR 203A Rev. 1/2010)</i>
3.	(Sekiranya Tapak telah diserahkan kepada kontraktor) Bilakah Kontraktor harus memulakan pelaksanaan kerjanya di tapak?	- Kementerian Kewangan telah memutuskan bahawa semua projek Kerajaan wajib dimulakan pelaksanaannya dalam tempoh 2 minggu dari tarikh milik tapak. - Kontrak akan ditamatkan sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja sebagaimana yang telah ditetapkan. <i>*(Nota: Berdasarkan Fasal 38 JKR 203A Rev. 1/2010)</i>

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
4.	Apakah pra-syarat yang perlu dipatuhi sebelum Kontraktor memulakan kerja di tapak?	- Sebelum Kontraktor dibenarkan memulakan kerja di tapak, Kontraktor hendaklah terlebih dahulu mengemukakan perkara- perkara pra-syarat seperti yang berikut - SST telah ditandatangani; - Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Insurans atau Jaminan Syarikat Kewangan. Kerajaan berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) jika ianya gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak; - Polisi Insurans Tanggungan Awam atau Nota Liputan berserta resit telah dibayar; - Polisi Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta resit bagi premium telah dibayar; - Nombor - nombor pendaftaran pekerja di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja
5.	Berapa lamakah tempoh Program Kerja perlu disediakan oleh kontraktor dan apakah tindakan yang diambil oleh PP setelah menerima Program Kerja yang dikemukakan?	- Program kerja* merupakan jadual pelaksanaan projek keseluruhan bermula dari tarikh milik tapak sehingga tamat tempoh kontrak untuk pemantauan kemajuan kerja di tapak. - Ianya perlu disediakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh SST atau seperti yang dinyatakan dalam kontrak. <i>(Terdapat kontrak yang meletakkan tempoh 21 hari dari tarikh SST. Pada kebiasannya tempoh yang digunakan adalah 14 hari.)</i> - Program kerja* yang dikemukakan oleh kontraktor perlu disemak oleh PP berdasarkan kemunasabahan tarikh permulaan dan penyiapan operasi kerja yang dicadangkan oleh Kontraktor. - Jika PP merasakan program kerja tersebut tidak realistik, ianya perlu ditolak oleh PP secara bertulis dengan menyatakan sebab atau meminta pihak kontraktor membuat pengubahsuaian yang perlu. Semua pihak mesti mengikuti Program kerja yang telah diluluskan PP. <i>*(Nota : Berdasarkan Fasal 12 JKR 203A Rev. 1/2010)</i>

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
6.	Bilakah Mesyuarat Pra-Pembinaan perlu diadakan?	- Mesyuarat Pra-Pembinaan adalah mesyuarat yang dijalankan sebelum pelaksanaan projek dimulakan (<i>sebelum Tarikh Milik Tapak</i>), bertujuan untuk memastikan semua pihak yang terlibat memahami skop serta mampu menyelaras tugas dan tanggungjawab masing-masing. - Antara dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan oleh Kontraktor kepada PP adalah Program Kerja, perancangan pekerja dan jentera, polisi-polisi insurans, bon pelaksanaan dan lain-lain yang berkaitan. <i>* (Rujuk Surat Arahan KPKR Bil.6/2015)</i>
7.	(Semasa Fasa Pembinaan) Keperluan pelaporan kemajuan (Kontrak) dikemaskini dalam SKALA?	PP perlu memastikan pelaporan maklumat dan catatan terkini projek sentiasa dikemaskini ke dalam sistem SKALA. Ianya perlulah berdasarkan kepada status kemajuan fizikal dan maklumat kewangan semasa (sebenar) berbanding jadual pelaksanaan projek yang dirancang. ⇒ SKALA : Sistem pemantauan projek yang digunakan untuk memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.


BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
B. KELULUSAN PIHAK KETIGA		
1.	(Antara keperluan lain yang perlu disemak selain keperluan Dokumen Kontrak dan keperluan lain termasuk self regulation) Apakah kajian- kajian / penilaian lain yang dilaksanakan ke atas projek?	• Antara kajian-kajian yang dilaksanakan ke atas projek, termasuk syarat-syarat, jika ada seperti berikut:- i. Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) ii. Kajian Kemungkinan (<i>Feasibility Study</i>) iii. Analisis Kos Faedah (<i>Cost Benefit Analysis</i>) iv. Kajian Kesan Trafik (<i>Traffic Impact Study</i>) v. Road safety Analisis (RSA) vi. Penyiasatan Tanah (<i>Soil Investigation</i>) vii. Pengurusan Nilai (<i>Value Management</i>) viii. PBT ix. Keperluan agensi teknikal / utiliti (<i>Bomba - TM (Telekomunikasi), TNB & Jabatan Bekalan Air dll.</i>)
2.	Apakah keperluan pelaksanaan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) ke atas sesuatu projek?	• Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) perlu dilaksanakan ke atas projek-projek yang pelaksanaannya akan membawa kesan ke atas alam sekitar iaitu projek-projek yang ditakrifkan sebagai <i>prescribed activity</i>* oleh pihak berkuasa dan undang- undang. Kajian EIA ini hendaklah dilaksanakan oleh individu yang bertauliah serta berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar di bawah <i>EIA Consultant Registration Scheme</i>. • Semua projek di bawah <i>prescribed activity</i> perlu mendapatkan kelulusan EIA daripada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar seperti yang dinyatakan di dalam Jadual I. * Rujukan: <i>Environmental Quality (prescribed activity) (Environmental Impact Assessment) Order 1987</i>.

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
3.	Apakah syarat permohonan kelulusan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)?	- Kelulusan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) adalah berdasarkan kepada perkara seperti berikut:- - Mengikut konsep pembangunan projek; - Mempunyai kawalan penyediaan tapak dan kerja tanah, kawalan banjir dan pencemaran air, udara dan bunyi; - Memastikan Pelanggan melaksanakan perintah EIA pada setiap peringkat pembinaan, bermula daripada peringkat perancangan dalam kajian pra-kemungkinan, kajian kemungkinan, rekabentuk dan pembinaan.
4.	Bagaimana Kelulusan Merancang / Development Order (DO) diperolehi?	- Kelulusan Merancang dan lain-lain syarat perlu dipatuhi mengikut prosedur PBT yang berkenaan termasuk syarat jika ada, daripada pihak berikut:- - Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa; - Pentadbir Tanah Daerah; - Jabatan Kerja Raya (JKR); - Jabatan Pengairan & Saliran (JPS); - Jabatan Bekalan Air (JBA); - Tenaga Nasional Berhad (TNB); - Jabatan Perkhidmatan Pembentukan (JPP); - Lain-lain agensi yang relevan mengikut keperluan. -Bomba - Agensi / Perunding bagi pihak agensi pemilik perlu mengemukakan permohonan Kelulusan Merancang sebelum sebarang aktiviti dimulakan di tapak. - Kesemua pihak kecuali projek-projek JKR yang direkabentuk secara jabatan perlu memastikan Kelulusan Merancang telah diperolehi daripada PBT terlebih dahulu.

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
5.	Jika berkaitan, mengapakah kelulusan pihak Jabatan Bomba & Penyelamat diperlukan?	- Antara tindakan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat bermula daripada peringkat perancangan projek. Antara peranan jabatan ini ialah:- - Menentukan dan mencadangkan keperluan perkakasan bomba berdasarkan pelan lokasi, pelan kunci dan pelan susun atur serta laluan yang diperlukan untuk mencegah kebakaran dan tindakan menyelamat; - Memastikan kemudahan bekalan air terdapat di kawasan yang akan dibina adalah memadai; - Menyemak, mengesah dan memastikan pelan bangunan, pelan mekanikal dan pelan elektrik mematuhi syarat-syarat dalam Pencegahan Kebakaran 244, Undang - Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL 1984); - Memeriksa dan menguji sistem mencegah kebakaran yang telah dilengkapkan pada bangunan yang siap dibina bagi menyokong kelulusan Sijil Layak Menduduki Bangunan (CF); - Mengeluarkan Surat Perakuan Bomba.
C. TAPAK PROJEK		
1.	Apakah isu-isu yang berkaitan dengan tanah? Jika ada, apakah dan bilakah tindakan susulan perlu dilakukan?	- Antara isu-isu berkaitan tanah adalah seperti yang berikut:- - Masalah setinggan, rumah ibadat, dsb; - Tuan tanah tidak dapat dikesan; - Tuan tanah tidak bersetuju kerana pelbagai sebab; - Proses pengambilan balik tanah; - Jenis hak milik; - Bantahan dari pemilik tanah berdekatan. - Tindakan dan sasaran penyelesaian isu / permasalahan perlu dipantau dari masa ke semasa.

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
2.	Apakah isu-isu yang berkaitan dengan tapak? Jika ada, apakah dan bilakah tindakan susulan perlu dilakukan?	- Antara isu-isu berkaitan tapak adalah seperti yang berikut:- - Lokasi tidak sesuai; - Keluasan tidak mencukupi; - Keadaan topografi yang sukar; - Tiada laluan masuk ke tapak; - Masalah berkaitan persempadanan. - Tindakan dan sasaran penyelesaian isu / permasalahan perlu dipantau dari masa ke semasa.
3.	Apakah tindakan pihak Kontraktor mengenai akses dan jalan sementara ke tapak projek?	Pihak Kontraktor perlu menyediakan akses dari jalan utama ke tapak projek termasuklah kerja-kerja pembetulan (<i>culvert</i>) dan jambatan yang digunakan sepanjang tempoh kontrak dengan kelulusan PP.
4.	Apakah spesifikasi yang telah ditetapkan bagi penyediaan papan tanda projek?	Pihak Kontraktor perlu menyediakan papan tanda projek dalam Bahasa Malaysia seperti yang telah dinyatakan di dalam lukisan, memaparkan papan tanda tersebut kepada umum dan menyenggara papan tanda projek tersebut di sepanjang tempoh pembinaan.
5.	Apakah kelengkapan pejabat tapak dan kemudahan tapak projek yang perlu disediakan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kontrak?	- Antara perkara yang telah ditetapkan dalam kontrak bagi penyediaan pejabat tapak dan kemudahan tapak adalah seperti berikut:- - Kelengkapan pejabat tapak; - Bekalan air dan elektrik disediakan; - Kelengkapan kebersihan (<i>sanitation</i>) disediakan; - Alat bantuan kecemasan disediakan; - Stor Kontraktor perlu disediakan.
6.	Apakah peruntukan kemudahan keselamatan yang disediakan kepada pasukan projek di tapak?	- Pihak Kontraktor perlu menyediakan kemudahan keselamatan di sepanjang tempoh kontrak seperti yang berikut:- - Topi & kasut keselamatan; - Pagar, hoarding, dan lampu amaran; - Tanda trafik sementara; - Papan tanda keselamatan.

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
D. KEMAJUAN KERJA DI TAPAK		
1.	Berapakah kekerapan mesyuarat tapak diadakan?	- Mesyuarat tapak perlu diadakan secara berkala* bagi memantau projek dan menyelaraskan kemajuan kerja yang telah ditetapkan. Selaras dengan <i>Surat Arahan KPKR Bil 6/2015</i> kekerapan adalah bergantung kepada nilai projek seperti berikut : - Kontrak bernilai melebihi RM5 juta kekerapan adalah minima sekali sebulan. - Kontrak tidak melebihi RM5 juta kekerapan adalah minima 2 bulan sekali. - Sebut harga bernilai tidak melebihi RM500 000 diadakan sekiranya perlu sahaja.
2.	Apakah peranan PP mengenai penjadualan projek?	- PP perlu meluluskan program kerja dalam tempoh yang ditetapkan dalam dokumen kontrak. - Pihak PP perlu memastikan kemajuan fizikal / kewangan projek dicapai seperti yang telah dirancang. <i>*(1PP - PK 4.1 & Fasal 12 JKR 203A Rev. 1/2010)</i>
3.	Bagaimana pemantauan kemajuan kerja di tapak bina dilaksanakan?	- Pemantauan dibuat keatas kemajuan fizikal projek berdasarkan kepada program kerja. * Sekiranya peratus kemajuan fizikal projek telah mengalami kelewatan 20% atau lewat 2 bulan dari tarikh yang ditetapkan di dalam jadual (mengikut mana yang terdahulu) dan pihak Kontraktor menunjukkan ketidakupayaan memperbaiki prestasinya, projek tersebut akan dikategorikan sebagai Projek Sakit. - Satu langkah pemulihan yang drastik perlu diambil oleh pihak P.P. bagi membantu Kontraktor menyalurkan kerjanya kembali ke penjadualan asal. <i>*(1PP - PK 4.5)</i>

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
4.	Berapa lama (hari) projek telah melewati penjadualan yang dirancang?	- Perbezaan bilangan hari bermula di antara kemajuan yang dirancang dengan kemajuan sebenar di tapak perlu juga diambil kira semasa lawatan tapak dijalankan. - Rujuk kepada 'finish variance' dalam program kerja sepertimana contoh gambarajah: 
5.	Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kontraktor bagi menangani kelewatan projek?	Pihak Kontraktor bertanggungjawab menyediakan dan membentangkan kepada PP langkah / tindakan termasuk pelan pemulihan yang terperinci untuk menangani punca masalah, pihak yang bertanggungjawab dan jangka masa tindakan yang diambil.
6.	Apakah tindakan lanjut PP seterusnya?	PP perlu memantau dan memastikan pelan pemulihan dipatuhi sepenuhnya oleh pihak Kontraktor bagi mengelakkan kelewatan dari berlaku.
7.	Bagaimana rekod tapak bina dikemaskini?	- Rekod tapak bina merupakan dokumen dalam bentuk buku harian* (<i>site diary</i>) yang digunakan oleh kumpulan Pengurusan Projek untuk mencatatkan maklumat berkenaan bilangan pekerja, cuaca, pemerhatian harian, maklumat penghantaran bahan binaan ke tapak dan sebagainya. - Pegawai penyelia yang telah dilantik perlu mencatat dan mengemaskini buku harian ini pada setiap hari dan wakil Kontraktor mesti menandatangani buku tersebut sebagai perakuan. <i>*(Rujuk Surat Arahan KPKR Bil 6/2015)</i>

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
8.	Bagaimana keperluan bilangan pekerja yang terdapat di tapak projek dipantau?	Butiran bilangan pekerja di tapak boleh dirujuk pada Jadual dalam Program Kerja dan Buku Harian Tapak Bina (BHTB).
9.	Apakah masalah- masalah yang kebiasaannya berlaku melibatkan faktor kewangan?	- Antara isu-isu / masalah kewangan projek adalah seperti yang berikut :- - Peruntukan yang diluluskan tidak mencukupi. - Peruntukan tambahan diperlukan kerana terdapat Arahan Perubahan Kerja (VO) atau perubahan skop projek; - Peruntukan lewat; - Tuntutan lewat dibayar di atas sebab syarat- syarat tidak dipatuhi oleh pihak Kontraktor; - Tuntutan lewat dibayar di atas sebab kelewatan pihak kewangan P.P (masalah sistem).
10.	Apakah masalah yang sering berlaku oleh pihak Kontraktor yang melibatkan tenaga pekerja di tapak bina?	- Antara masalah tenaga pekerja yang dihadapi oleh pihak Kontraktor adalah seperti yang berikut:- - Bilangan pekerja tidak mencukupi; - Tenaga buruh asing tidak mempunyai permit; - Kualiti kerja yang tidak memuaskan; - Tenaga pekerja tidak berpengalaman/tidak mahir.

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
11	Bagi kontrak projek secara Reka & Bina di mana ianya melibatkan perkhidmatan Perunding dalam pemantauan projek: i. Apakah peranan dan tanggungjawab JKR bagi pelaksanaan Projek Reka & Bina (R&B). ii. Apakah masalah- masalah yang sering dihadapi oleh pihak Perunding semasa pembinaan projek?	- Pelaksanaan projek JKR secara kaedah R&B * adalah merupakan sistem penyampaian projek di mana satu entiti iaitu kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya ke atas merekabentuk, pembinaan, pengawasan, pengujian dan pentauliahan, penyiapan dan menyenggara semasa tempoh penyenggaraan sebagaimana yang diperuntukan dalam kontrak. - Tanggungjawab pelaksanaan projek secara keseluruhan adalah terletak ke atas kontraktor. Kontraktor menjamin kepada Kerajaan bahawa rekabentuk dan kerja yang disediakan adalah lengkap dan bebas dari sebarang ketidakcukupan, kegagalan atau/ dan kecacatan. - Sebarang kos atau kelewatan disebabkan oleh ketidaksempurnaan rekabentuk akan ditanggung oleh kontraktor. - Peranan dan tanggungjawab JKR dalam projek ini sebagai pemaju dan pengawas projek kepada jabatan pelanggan sahaja. Manakala tanggungjawab profesional adalah pihak kontraktor sepenuhnya. <i>* (Rujuk Surat Pekeliling KPKR bertarikh 5 Mac 2007 - Pemakaian Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka dan Bina JKR)</i> - Antara isu-isu/masalah-masalah yang dihadapi oleh Perunding semasa pemantauan tapak dijalankan adalah seperti berikut :- - Kontraktor utama tidak berpengalaman. (Penyeliaan yang rapi perlu dijalankan oleh Perunding untuk memantau kerja-kerja Kontraktor); - Perunding kurang/tidak teliti semasa mengawasi projek bagi menjamin kualiti dan spesifikasi kerja yang ditetapkan; - Tiada pegawai dilantik bagi mengawasi tapak projek. Pihak Perunding perlu menamakan seorang pegawai yang kompeten sebagai wakil tapak bagi mengawasi aktiviti di tapak sepanjang projek dilaksanakan; - Gagal menyelaraskan pelaksanaan projek; - Bermasalah dengan Kontraktor utama; - Campurtangan pelbagai pihak

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
12.	Apakah isu-isu berkaitan dengan utiliti yang dihadapi di dalam sesuatu projek?	- Antara masalah utiliti yang dihadapi oleh pihak Kontraktor adalah seperti berikut :- - Masalah penyambungan utiliti oleh pihak TNB, IWK, TELEKOM atau bekalan air; - Peruntukan pemindahan / pengalihan utiliti oleh pihak TNB, IWK, TELEKOM atau bekalan air; - Pengesanan utiliti dalam tanah (sub-surface); - Pelbagai syarat tambahan yang dikenakan oleh pihak TNB, IWK, TELEKOM atau bekalan air.
E. PENTADBIRAN KONTRAK		
1	Apakah kaedah-kaedah pelaksanaan projek?	- Kaedah-kaedah pelaksanaan projek adalah seperti berikut :- - Konvensional (dalaman / perunding) - Reka dan Bina / <i>Turnkey</i> <i>Built, Operation & Transfer</i> (BOT) <i>Built, Operation & Transfer</i> (BOT)
2.	Berapakah kos kontrak?	Kos kontrak ialah amaun yang dinyatakan untuk melaksanakan projek seperti di dalam SST.
3.	Apakah tempoh kontrak?	Tempoh kontrak adalah tempoh yang telah ditetapkan bagi melaksanakan projek seperti yang dinyatakan di dalam SST.
4.	Bilakah kontrak perlu ditandatangani?	- Kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak, selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh SST. - Tarikh kontrak ialah tarikh Dokumen Kontrak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri.

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
5.	Bayaran Pendahuluan (Advanced Payment) Apakah keperluan syarat-syarat untuk Kontraktor memperoleh Bayaran Pendahuluan?	- Perakuan Bayaran Pendahuluan akan dibuat sekiranya Syarat-syarat Bayaran Wang Pendahuluan telah dipatuhi seperti berikut :- - SST telah ditandatangani dan dikembalikan; - Jaminan ke atas pendahuluan (Bank / Syarikat Kewangan / Insuran / Bank Islam / Takaful / Bank Pembangunan Malaysia Bhd) telah dikemukakan dan disahkan; - Bon pelaksanaan telah dikemukakan dan disahkan (Sekiranya tiada, sertakan persetujuan terhadap WJP); - Polisi-polisi insuran & PERKESO; - Jaminan bagi Kontraktor Utama & NSC hendaklah dibuat berasingan.
6.	Bayaran Interim i. Adakah bayaran interim dibuat berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan? ii. Berapakah kekerapan ianya dibuat? Apakah punca masalah bayaran interim yang sering berlaku?	- Bayaran Interim adalah bayaran yang dibuat kepada Kontraktor bagi :- - Kerja-kerja yang telah dilaksanakan dengan sempurna; - Penilaian ke atas bahan-bahan/barang-barang belum dipasang yang telah dihantar ke tapak sehingga 90%; - Tiada bayaran ke atas item NCR; dan - Nilai kerja telah mencapai had minima yang telah ditetapkan. - Kekerapan bayaran ialah :- - Setiap bulan; atau - Sekurang yang mungkin, mengikut budi bicara PP. - Perakuan Interim JKR 66 hendaklah disediakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penilaian di tapak. Tempoh maksimum menunaikan bayaran dari tarikh perakuan dikeluarkan adalah 30 hari. - Di antara punca masalah bayaran interim berlaku adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut :- - Syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas tidak dipatuhi; - Peruntukan yang diluluskan tidak mencukupi; - Waran peruntukan lewat disalurkan oleh Kementerian yang terbabit kepada P.P.

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
7.	Arahan Perubahan Kerja (APK) Apakah kriteria bagi APK projek ini?	- Perubahan kerja adalah penyimpangan dari perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan atau senarai kuantiti samada dipinda, ditambah atau dikurangkan dengan memenuhi kriteria seperti yang berikut :- - Tempoh kontrak masih berjalan semasa arahan dikeluarkan; - Perubahan tidak menukar sebahagian besar skop kerja asal; - Bagi kerja-kerja tambahan, pelaksanaan hendaklah di tapak pembinaan; - Bagi kerja gantian, perubahan adalah di dalam skop kontrak asal & kerja yang ditentukan dalam kontrak asal hendaklah dapat dikenalpasti dalam kerja-kerja gantian; - Amalan mengeluarkan kerja yang terkandung dalam sesuatu kontrak untuk dilaksanakan oleh pihak lain/pihak jabatan sendiri tidak dibenarkan.
8.	Pelantikan NSC (Sub Kontraktor Dinamakan) Bagaimana pelantikan NSC dibuat?	- Penamaan NSC dibuat dengan P.P. memanggil tender / sebut harga dan mengeluarkan arahan kepada Kontraktor utama secara bertulis membuat sub-kontrak dengan NSC yang dilantik. - Bayaran NSC dibayar secara terus oleh Kerajaan.

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
9.	Lanjutan Masa (EOT) i. Bagaimana lanjutan masa boleh diperolehi? ii. Berapa lamakah tempoh yang layak dipertimbangkan bagi permohonan EOT tersebut? iii. Mengapa <i>Recovery Plan</i> perlu disediakan?	- Lanjutan Masa adalah masa tambahan yang diberikan kepada Kontraktor untuk menyiapkan projek atas sebab-sebab sebagaimana yang dinyatakan di dalam Fasal 43 syarat-syarat kontrak. - Sebab-sebab / syarat-syarat lanjutan masa dipertimbangkan adalah seperti berikut :- <i>Force Majeure</i>; - Cuaca buruk (sertakan rekod dari kaji cuaca untuk beberapa tahun terdahulu); - Arahan P.P. akibat pertikaian dengan tuan punya berjiran; - Kerugian / kerosakan akibat perkara luar jangkaan; - Arahan P.P. di bawah Fasal 5; - Lewat menerima arahan dari P.P.; - Lewat diberi milik tapak berpunca daripada mogok pekerja; - Kelambatan oleh pihak atasan yang ditugaskan oleh Kerajaan; - Ketidakupayaan Kontraktor meramal penerimaan bahan binaan; dan - Kelewatan Pelantikan Subkontraktor Dinamakan (NSC) - Tempoh lanjutan masa akan dipertimbangkan oleh pihak yang diberikuasa untuk meluluskan perakuan kelambatan dan lanjutan masa berdasarkan penilaian terperinci ke atas punca-punca kelewatan yang dikemukakan oleh Kontraktor dengan syarat Kontraktor telah sentiasa berusaha sedaya-upayanya untuk mengelakkan kelambatan. <i>Recovery Plan</i> perlu disediakan oleh Kontraktor dan diikuti bagi merancang semula program kerja untuk membendung kelewatan.
	Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (<i>Liquidated & Ascertained Damages (LAD)</i>) Bila dan bagaimana LAD dikenakan?	Denda lewat yang dikenakan ke atas Kontraktor yang gagal melaksanakan projek dalam tempoh kontrak yang dibenarkan. LAD dikira dalam bentuk kadar RM denda/hari lewat dan bergantung kepada Kadar Pinjaman Asas (BLR) semasa.

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
F. PENYERAHAN		
1.	Bilakah Perakuan Siap Kerja (<i>Certificate of Practical Completion – CPC</i>) dikeluarkan?	CPC akan dikeluarkan oleh PP untuk mengesahkan kerja-kerja di tapak telah mencapai penyiapan praktikal, iaitu apabila kesemua kerja telah siap dan berfungsi sepenuhnya mengikut kehendak kontrak.
2.	Bilakah projek akan diserahkan?	Setelah CPC dikeluarkan, Agensi Pelaksana akan mengambil pemilikan projek tersebut dan kemudian menyerahkannya kepada pihak Pemilik/Agensi Pelanggan.
3.	Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) i. Bilakah DLP bermula? ii. Berapakah tempoh DLP berdasarkan kontrak?	- DLP adalah suatu tempoh di mana pihak Kontraktor perlu memperbaiki apa-apa kecacatan yang dikenalpasti oleh P.P. setelah kerja-kerja diperakukan siap. - Dalam tempoh tersebut, pihak Pelanggan akan melaporkan kerosakan / kecacatan yang perlu dibaiki oleh Kontraktor kepada P.P. - Kecacatan adalah merupakan kerosakan yang timbul samada pada bahagian dalam dan atau luar bangunan termasuk kemudahan; yang disebabkan oleh mutu dan kualiti kerja yang tidak menepati spesifikasi. - DLP bermula dari tarikh CPC dikeluarkan sehingga satu tempoh yang telah ditetapkan di dalam kontrak. - DLP (Projek Konvensional) :- * Kontrak bernilai < RM 0.5 juta (6 bulan); - Kontrak bernilai ≥ RM 0.5 juta (12 bulan). - DLP (Projek Reka dan Bina) adalah selama 24 bulan. <i>*(Rujuk Surat Arahan KPKR Bil 22/2016)</i>

BIL.	SOALAN	BUTIRAN JAWAPAN
4.	Bagaimana jika Kontraktor mungkir janji dan gagal membaiki sebarang kerosakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan?	• Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan seperti yang diarahkan oleh PP dalam tempoh tersebut, PP boleh melantik pihak ketiga untuk melaksanakannya. • Sekiranya pihak ketiga yang melaksanakan kerja- kerja memperbaiki kecacatan, kos perbelanjaan yang terlibat akan dipotong dari baki wang yang perlu dibayar kepada Kontraktor, atau dari tuntutan Bon Pelaksanaan. <i>*(1PP - PK 4.1 & Fasal 48 JKR 203A Rev. 1/2010)</i>

TOPIK 12

12. PENEMUAN KAJIAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) 2010 - 2015

Antara kelemahan-kelemahan berulang yang ditemui di dalam LKAN 2010-2015 bagi pelaksanaan/pentadbiran projek oleh JKR adalah:

Bil	Isu Berulang
1.	<u>Spesifikasi dan Kualiti</u> 1. Resapan air 2. Siling gantung 3. Serangan kulat 4. Air bertakung di atas lantai 5. Kerja konkrit yang bermutu rendah 6. Keretakan pada dinding 7. Keretakan apron dan longkang 8. Keretakan pada tiang
2.	<u>Dokumen Kontrak</u> 1. Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani
3.	<u>Bon Pelaksanaan</u> 1. Tempoh Liputan Bon Pelaksanaan Tidak Cukup 2. Bon Pelaksanaan Tidak Dilanjutkan Selepas EOT diluluskan 3. Tempoh Liputan Lanjutan Silap Selepas EOT Diluluskan 4. Bon Pelaksanaan Luput Sebelum Perakuan Siap Membaiki Kecacatan Dikeluarkan
4.	<u>Polisi Insurans</u> 1. Kesilapan Tempoh Liputan Insurans Tanggungan Awam 2. Polisi Insurans Tidak Dilanjutkan Selepas EOT Diluluskan 3. Tempoh Lanjutan Polisi Insurans Silap Selepas EOT Diluluskan
5.	<u>Lanjutan Masa (EOT)</u> 1. EOT Diluluskan Selepas Tarikh Siap Asal/Semasa
6.	<u>Arahan Perubahan Kerja (APK)</u> 1. Dokumen Ditandatangani oleh Pegawai yang Tidak Diberi Kuasa 2. Kerja Dilaksanakan Sebelum APK Diluluskan 3. APK Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
7.	<u>Wang Pendahuluan</u> 1. Baki Bayaran Balik Wang Pendahuluan Tidak Dapat Dituntut Daripada Kontraktor 2. Dokumen Jaminan Insurans Wang Pendahuluan Tidak Sah/Palsu 3. Jaminan Wang Pendahuluan Tidak Dilanjutkan Selepas EOT Diluluskan/Tempoh Lanjutan Silap
8.	<u>Rundingan Harga</u> 1. Kelewatan Memuktamadkan Rundingan Harga

Bil	Isu Berulang
9.	<u>Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)</u> - CPC dikeluarkan Sebelum Kerja Siap Sepenuhnya - Kelewatan CCC walaupun CPC dikeluarkan
10.	<u>Lukisan Siap Bina (As Built Drawing)</u> - Lukisan Siap Bina Lewat dikemukakan - Lukisan Siap Bina Berbeza dengan Fizikal
11.	<u>Perolehan Kemudahan Khidmat pengangkutan dan Peralatan (JKPMK)</u> - Dibayar/dibekal walaupun tiada Kelulusan JKPMK - Dibayar Walaupun Tidak Disediakan - Kuantiti Kenderaan dan Peralatan dalam Dokumen kontrak berbeza dengan kuantiti yang diluluskan oleh JKMPK - Penyerahan Semula Kenderaan dan Peralatan
12.	<u>Kos Item Kerja Awalan Yang Ditetapkan Dalam Kontrak</u> - Kos Premium Bon Pelaksanaan - Kos Wang Jaminan Pelaksanaan - Kos Polisi Insurans
13.	<u>Kaedah Pembayaran Interim Kerja Awalan</u> - Kemudahan Pengangkutan - Kemudahan Peralatan - Bon Pelaksanaan Dan Wang Jaminan Pelaksanaan - Polisi Insurans - Pejabat Tapak - Program Kerja
14.	<u>Pelanjutan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)</u> Melanjutkan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)

Sumber : Bahagian Audit & Integriti
Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat

RUJUKAN

- [1] PEKELILING PERBENDAHARAAN 1PP
- Kementerian Kewangan Malaysia

- [2] PEKELILING / SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA

- [3] MANUAL PROSEDUR SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU JKR
- Keluaran 05. (Jun 2017)

- [4] DOKUMEN TECHNICUPEDIA
- Keluaran Unit Penyelarasan Pelaksanaan, ICU, JPM (Mac 2014)

- [5] GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK REKA & BINA
- Keluaran (5 Mac 2007)

- [6] BUKU PANDUAN PENTADBIRAN KONTRAK KERJA RAYA
- Edisi Ketiga Keluaran Cawangan Kontrak & Ukur Bahan, JKR Malaysia (2010)

- [7] JPEDIA JKR
- Sumber Bahagian Pengurusan Projek Kompleks, BPPK, CPAB



Bahagian Pengurusan Projek Kompleks
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
Ibu Pejabat JKR Malaysia